



Siri 13 26022019
Tarbiyah Pengasas

BERJIWA BESAR

Muhammad Syukri Salleh

CERITA ORANG BIASA VS ORANG LUARBIASA

ORANG BIASA

- ❑ Orang caci, sakit hati
- ❑ Orang puji, hati berbunga
- ❑ Orang sompong, dia menyombong
- ❑ Orang lebih dari dia, dia dengki
- ❑ Orang bersalah, dia berdendam & bermusuh
- ❑ Waktu kaya, hidup istimewa, sompong pula, memandang orang hina
- ❑ Mendapat bala bencana, jiwa derita, sabar pun tidak ada

CERITA ORANG BIASA VS ORANG LUARBIASA

ORANG LUARBIASA

- ❑ Orang caci, dia tidak bertindak bahkan mendoakan mereka mendapat hidayah
- ❑ Orang puji, derita jiwanya, kerana pujian itu Tuhan yang empunya, dia tidak layak menerimanya
- ❑ Orang sompong, dia tidak melayannya, bahkan melupakannya
- ❑ Orang lebih darinya, dia ikut gembira
- ❑ Orang buat jahat padanya, dia buat baik kepada orang itu
- ❑ Orang mendapat bala bencana, dia doakan agar bersabar dan menziarahi orang tersebut

CERITA ORANG BIASA VS ORANG LUARBIASA



**ISDEV perlukan orang luarbiasa, bukan orang biasa.
Orang luarbiasa akan membawa kepada:**

- Kurniaan rahmat, barakah, bantuan daripada Allah SWT
- Kewujudan manusia dan suasana ajaib, pelik, dan unik
- Baki kebaikan di dunia
- Lahirnya wira agama, bangsa dan negara yang sebenar

BERJIWA BESAR



Tidak mungkin
jadi orang
luarbiasa jika
tidak berjiwa
besar



Ujian jadi orang berjiwa besar:

- Ujian peribadi- Mazmumah
- Ujian keluarga – Tidak Islamik, homesick
- Ujian teman-teman – Pengaruh
- Ujian pengajian – tidak serasi, kehilangan guru, dll

TIANG BERJIWA BESAR



1. SABAR

- ❑ Mengendalikan jiwa agar tidak mengikut hawa nafsu
- ❑ Menjaga jiwa agar tetap fokus kepada mencari redha Allah SWT
- ❑ Qanaah dalam rezeki, adil dalam hubungan sesama manusia
- ❑ Sabar sebelum beramal – meluruskan niat
- ❑ Sabar ketika beramal – tidak terburu-buru menyelesaiakannya
- ❑ Sabar selepas beramal –tidak memberitahu kepada orang lain supaya tidak ujub, riya' dan somaah.

TIANG BERJIWA BESAR



2. SYUKUR

- ❑ Tiga bahagian: syukur dengan lisan, anggota badan dan hati
- ❑ Bentuk syukur orang berilmu – berkongsi pengetahuan
- ❑ Bentuk syukur orang kaya – memenuhi keperluan orang miskin
- ❑ Bentuk syukur orang berkuasa – memberi perlindungan dan kesejahteraan kepada orang yang dipimpin
- ❑ Tingkat syukur: Awam = bersyukur kerana mendapat anugerah; Khawash = bersyukur kerana mendapat anugerah atau musibah; Khawashul Khawash = bersyukur kerana mendapat anugerah atau musibah dan sedar di sebalik itu ada Allah SWT Yang Maha Kuasa
- ❑ Syakir = orang yang bersyukur; Syakur = Orang yang banyak bersyukur

TIANG BERJIWA BESAR



3. TAWAKAL

- ❑ Menyerahkan urusan kepada Allah SWT sepenuhnya
- ❑ Tunduk di bawah ketetapan dan pengaturan Allah SWT
- ❑ Semakin kuat pengetahuan tentang Allah, semakin kuat tawakalnya

TIANG BERJIWA BESAR




- Lapan teras tawakal
 - 1. Mengetahui sifat-sifat Allah SWT
 - 2. Meyakini adanya hukum sebab-akibat
 - 3. Mengukuhkan hati kepada Tauhid
 - 4. Menyandarkan hati kepada Allah SWT dan merasa nyaman bergantung kepada Allah SWT
 - 5. Berbaik sangka dengan Allah SWT
 - 6. Menyerah diri kepada Allah SWT sepenuhnya
 - 7. Pasrah (= roh dan hakikat tawakal). Serah semua urusan kepada Allah SWT sambil memohon dan berusaha secara sukarela
 - 8. Redha dengan Allah SWT (= buah tawakal)

KESIMPULAN



Berjiwa
Besar



- Sabar, Syukur, Tawakal

Orang
Luarbiasa



- Unik



Cemerlang



Terima kasih



Terima kasih